

PENGUNAAN TEKNIK KOLABORATIF DALAM PENGAJARAN MODUL KHATAM AL-QURAN J-QAF

Siti Faizah Binti Said, Asmawati Suhid,
Fathiyah Mohd Fakhrudin & Othman Talib

ABSTRAK

Program j-QAF merupakan inovasi yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memantap dan memperkukuhkan ilmu dan kemahiran murid sekolah dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Program ini telah mula dilaksanakan pada 2005 dan telah pun lengkap satu pusingan. J-QAF meliputi pengajaran dan pembelajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu 'ain khususnya solat. Modul Khatam al-Quran yang merupakan salah satu modul yang terdapat dalam program j-QAF adalah inti pati yang amat penting dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah menerusi bidang Asuhan Tilawah al-Quran. Memandangkan 'semua murid diharapkan dapat khatam al-Quran pada tahun enam' merupakan objektif yang telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, maka teknik kolaborasi dilihat sebagai satu teknik yang amat memainkan peranan bagi menjayakan semua murid mampu membaca al-Quran sehingga khatam. Oleh itu, artikel ini bertujuan membincangkan pelaksanaan strategi pengajaran Asuhan Tilawah al-Quran secara kolaboratif yang sewajarnya dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Islam dan guru j-QAF. Selain itu dibincangkan faktor-faktor yang menentukan kejayaan pengajaran ini, kelebihan dan cabaran yang dihadapi bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran seterusnya melahirkan murid yang berkualiti dan mampu membaca al-Quran dengan baik dan fasih.

Kata kunci: Program j-QAF, Pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran, teknik kolaboratif

THE USE OF COLLABORATIVE TECHNIQUES IN TEACHING MODULE OF KHATAM AL-QURAN J-QAF

ABSTRACT

J-QAF program is an inovation by the Malaysian Ministry of Education to empower and streghten Malaysian students in the field of Islamic Education. The program is initiated in 2005 and has completed its first cycle. J-QAF includes teaching and learning of

“Jawi” writing, the recitation of al-Quran, Arabic language and fardu ‘ain specifically the prayer (solat). The module of Khatam al-Quran which is one of the modules in the j-QAF program is the most important aspect in the primary school’s Islamic Education in the scope of Asuhan Tilawah al-Quran. Due to the Ministry of Education’s objective that aims students to complete the Quran (Khatam) in their standard six, the practice of collaborative teaching technique is deemed as a substantial approach to realize the aim. This article aims, in one hand to discuss the execution of the collaborative teaching technique of Asuhan Tilawah al-Quran by the Islamic Education teachers as well as j-QAF teachers. On the other hand, the articles also discusses the success factors of the teaching practice, the advantages and challenges in improving the quality of teaching and learning of tilawah al-Quran that helps to produce students that excel in reading the al-Quran.

Keywords: *j-QAF programme, teaching and learning of tilawah al-quran, collaborative technique.*

PENGENALAN

Sistem Pendidikan Islam di Malaysia telah mengalami banyak perubahan demi perubahan demi mempertingkatkan dan memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib, 2010). Mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) terbahagi kepada bidang Asuhan Tilawah al-Quran, Asas Ulum Syariah dan Asas Akhlak Islamiah. Asuhan Tilawah Al-Quran mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan mengenal dan menyebut huruf hijaiyah, membaca, menghafaz dan memahami maksud atau tema yang dibaca dan dihafaz. Manakala Asas Ulum Syariah merangkumi bidang akidah, ibadah dan sirah, manakala Asas Akhlak Islamiah pula mengandungi asas akhlak yang perlu diamalkan oleh orang Islam. Sememangnya bidang-bidang ini telah termaktub di dalam Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah.

Sementara j-QAF pula di dalam Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan kokurikulum adalah satu usaha memperkasakan PI melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, Al Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan

kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid yang dikolaborasikan di antara guru j-QAF dan guru Pendidikan Islam. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada.

Pengajaran Tilawah al-Quran KBSR bermatlamat untuk, membantu murid memperkukuhkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz dan menghayati al-Quran yang diajar pada peringkat rendah dan membantu murid membaca, memahami dan menghayati kandungan al-Quran serta menghafaz ayat-ayat yang ada kaitan dengan amalan kehidupan harian (Kementerian Pelajaran Malaysia 2005). Bidang Tilawah al-Quran ini lebih diberi penekanan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi sehingga tercetusnya j-QAF yang antara bermatlamat semua murid Islam diharapkan dapat khatam al-Quran semasa berada di peringkat sekolah rendah lagi.

Pengajaran Kolaboratif

Merujuk kepada Friend dan Bursuck (1996) di dalam Effandi Zakaria et al (2007), kolaboratif adalah satu pendekatan yang digunakan oleh golongan profesional untuk mencapai target atau objektif yang telah ditetapkan oleh sesebuah kumpulan atau organisasi. Ia dapat ditunjukkan sekiranya semua ahli kumpulan yang terlibat dalam proses tersebut memberikan sumbangan bagi memenuhi matlamat dan objektif kumpulan.

Menurut Whipple (Dipetik daripada Kimber, 1994) menyatakan bahawa pembelajaran kolaboratif adalah bentuk pedagogi yang menekankan usaha bersama di kalangan murid-murid, fakulti dan pentadbir. Ia menekankan konsep *inquiry* sebagai asas proses pembelajaran.

Effandi Zakaria et al. (2007) menyatakan terdapat beberapa istilah lain yang digunakan dalam pengajaran secara kolaboratif. Antaranya ialah pengajaran bersama (*cooperative teaching*), pengajaran berpasukan (*team teaching*), pembelajaran bersama rakan (*peer teaching*) dan begitu juga dengan (*shared teaching*). Pengajaran ini telah diperkenalkan dengan nama *team teaching* pada tahun 1956 di Amerika Syarikat dan buat pertama kalinya ia dicatat dalam The Encyclopedia of Education pada tahun 1957.

Begitu juga dengan Sturman (1992) daripada *Collaborative language learning and teaching* menyatakan kolaboratif satu urusan yang melibatkan (biasanya) dua orang guru yang bekerjasama secara kolaboratif di setiap peringkat pengajaran: merancang dan menyediakan rancangan pengajaran, melaksanakan dan menilai pencapaian aspek yang ditumpukan dalam mata muridan. Bagi Nunan (1992) pula pengajaran sebenar yang dilaksanakan secara kolaboratif oleh dua orang guru yang sama atau berbeza disiplin kepada sekumpulan murid dalam kelas yang sama pada waktu yang sama. Urusan pengajaran seperti ini menekankan perkongsian bersama agihan kuasa dan membuat keputusan antara guru-guru tersebut.

Dalam konteks penulisan ini, kolaboratif merujuk kepada satu kaedah pengajaran bersama, pada waktu yang sama yang melibatkan dua orang guru atau lebih terdiri dari guru j-QAF dan seorang guru Pendidikan Islam, bagi mata muridan Tilawah al-Quran Modul Khatam al-Quran j-QAF. Guru –guru ini akan bekerjasama dan berkolaborasi dalam pengajaran dan kepakaran bagi meningkatkan kreativiti dan keberkesanan pencapaian tahap maksimum dalam pengajaran dan pembelajaran.

Modul Khatam Al-Quranj-QAF

Untuk memperkasakan sisitem Pendidikan Islam j-QAF telah diperkenalkan pada tahun 2005 kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan pada tahun 2013 semua sekolah-sekolah rendah di Malaysia telah dilengkapi dengan program j-QAF (Sumber KPM bahagian Pendidikan Islam) Program ini memberi penekanan khusus dalam muridan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (j-QAF). Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum, model dan modulnya yang tersendiri daripada empat model pengajaran iaitu model Kelas Pemulihan Jawi, Model Khatam al-Quran, Model Tasmik dan Model Perluasan Bahasa Arab, manakala satu model kokurikulum iaitu Model Bestari Solat. Bagi Tilawah al-Quran, Modul Khatam al-Quran merupakan satu usaha yang positif dan berterusan dalam memartabatkan al-Quran sebagai penjana generasi *ulul albab* di Malaysia. generasi ini adalah satu golongan akademik dan professional dalam bidang masing-masing dan sentiasa berfikiran *Qurani* (Fairuz Samsudin , 2011).

Modul Khatam al-Quran yang diperkenalkan dalam program j-QAF adalah seperti berikut :

- i. Model 6 bulan Khatam al-Quran dalam waktu pengajaran dan pembelajaran bagi enam bulan pertama.
- ii. Asuhan Tilawah al-Quran dalam waktu Pengajaran dan pembelajaran bagi enam bulan kedua.
- iii. Modul Tasmik di luar waktu pengajaran dan pembelajaran
- iv. Kem Literasi al-Quran secara berjadual di luar waktu pengajaran dan pembelajaran.

Asuhan Tilawah Al-Quran adalah penerusan bagi Model 6 Bulan Khatam al-Quran yang dijalankan pada 6 bulan pertama. Pada 6 bulan yang kedua, waktu mata muridan Asuhan Tilawah Al-Quran diisi dengan pembacaan al-Quran secara Baca Ikut Guru (BIG) bermula dari surah al-Fatihah dan diikuti dengan surah al-Baqarah dan akan berterusan sehinggalah keseluruhan al-Quran dapat dikahatamkan pada tahun enam kelak.

Modul Khatam Al-Quran ini mempunyai sukatan muridan dan huraian sukatan yang tersendiri, di samping menggariskan panduan dan langkah-langkah pengajaran kepada guru dengan menitikberatkan kemahiran-kemahiran yang harus dicapai oleh murid (Fairuz Samsudin, 2011).

Proses pelaksanaan Modul Khatam al-Quran ini menekankan pembacaan al-Quran secara *Talaqqi dan Musyafahah* untuk membolehkan murid-murid khatam al-Quran serta membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid. Mereka akan dibimbing sehingga boleh menguasai keseluruhan bacaan al-Quran dengan sempurna sesuai dengan kemampuan murid-murid sekolah rendah (Nabiroh Kassim et al., 2010).

Pendekatan Kolaboratif dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran Melalui Model Khatam Al-Quran j-Qaf

Sebelum adanya program j-QAF ini, mata muridan Tilawah al-Quran sememangnya termaktub dalam kurikulum Pendidikan Islam dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran. Namun ia tidak menekankan pembelajaran sehingga khatam al-Quran memandangkan ia memerlukan bimbingan berterusan daripada guru yang sesuai dengan nisbah murid yang menepati pendekatan *talaqqi dan musyafahah* (iaitu satu kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar,

membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar). Oleh itu kurikulum Pendidikan Islam sebelum ini hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja manakala aspek khatam tidak ditekankan di sekolah tetapi menyerahkannya kepada masyarakat.

Proses pembelajaran memainkan peranan penting bagi seseorang individu dalam mendapatkan ilmu. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Asuhan Tilawah al-Quran. Oleh itu guru perlu bijak memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap murid bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran-kemahiran dalam Tilawah al quraniaitu membaca, menghafaz dan memahami ayat-ayat al-Quran. Mohd Aderi dan Rohani (2009) di dalam kajiannya menyatakan, guru haruslah mempunyai kemahiran dalam melaksanakan amalan pengajaran Tilawah al-Quran agar dapat meningkatkan penguasaan tilawah al-Quran murid. Amalan pengajaran yang berkesan juga dikaitkan dengan sikap kreatif guru bukan sahaja di peringkat perancangan tetapi melibatkan kreativiti semasa proses pengajaran (Mohd Aderi,2009).

Salah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang ditekankan oleh pihak KPM Bahagian Pendidikan Islam kepada Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF adalah pengajaran secara kolaboratif atau berkumpulan bagi mata muridan Asuhan Tilawah al-Quran sekolah rendah. Pembelajaran kolaboratif bukanlah suatu pendekatan yang baru dalam budaya masyarakat kita di Malaysia (Sukerni Ismail dan Mohd isa Awang, 2004). Menurut Struman, (1992) (dipetik dari Laila Hairani, 2008) pembelajaran kolaboratif merupakan satu urusan yang melibatkan dua orang guru yang bekerjasama secara kolaboratif di setiap peringkat pengajaran, merancang dan menyediakan rancangan pengajaran, melaksanakan dan menilai pencapaian aspek yang ditumpukan dalam mata pelajaran.

Nunan, 1992 pula menyatakan pengajaran kolaboratif ialah pengajaran sebenar yang dilaksanakan secara kolaboratif oleh dua orang guru yang sama atau berbeza disiplin kepada sekumpulan murid dalam kelas yang sama pada waktu yang sama. Ia menekankan pengkongsian bersama agihan tugas dan membuat keputusan antara guru-guru tersebut.

Menurut Walther-Thomas (Dalam Rahmad Sukor dan Norliza, 2006), setiap guru dalam membuat keputusan kolaboratif memberi

sumbangan hingga ke peringkat akhir membuat keputusan. Perasaan ego diketepikan sebaliknya perasaan kekitaan dan komitmen terhadap proses kolaboratif paling diperlukan. Perlunya sokongan antara satu sama lain dan kesediaan untuk berkongsi matlamat, pengetahuan, kemahiran, tanggungjawab dan sumber yang ada dalam menjayakan sesuatu kolaborasi. Rahmad Sukor dan Norliza (2006) mengatakan dalam kegiatan kolaboratif, setiap tugas memerlukan kerjasama dan kepercayaan sepenuhnya antara ahli.

Manakala Collahan (1996), Sharifah Alwiah (1983) dan Trump (1996) yang dipetik dari Kamaruddin mengatakan pengajaran kolaboratif yang dikenali sebagai pengajaran kumpulan merupakan satu pendekatan yang pada dasarnya melibatkan dua orang atau lebih guru yang merancang, mengajar dan menilai pengajaran serta hasil pembelajaran satu kumpulan murid. Murid yang pada mulanya berada dalam satu kumpulan yang besar dipecahkan kepada kumpulan yang kecil di bawah pimpinan seorang guru.

Takrif Model Khatam al-Quran iaitu program yang menumpukan kepada penguasaan kemahiran membaca al-Quran (Iqra/ al-Quran) pada enam bulan pertama dari tahun satu hingga ke tahun enam. Objektif model ini ialah murid dapat menguasai kaedah iqra', murid dapat membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid, murid dapat menghabiskan surah-surah yang ditetapkan dan murid dapat menghabiskan bacaan al-Quran sebanyak 30 juzuk. Kumpulan sasaran semua murid yang beragama Islam dari tahun satu hingga tahun enam sekolah rendah. Kepentingan model khatam al-Quran ini menekankan pembelajaran sehingga khatam al-Quran sekurang-sekurangnya dengan cara Baca Ikut Guru (BIG).

Waktu Pendidikan Islam KBSR adalah enam waktu (180 minit) seminggu. Strategi pelaksanaan model Khatam al-Quran akan menggunakan waktu Pendidikan Islam sebanyak empat masa (120 minit) seminggu dalam tempoh enam bulan pertama (Januari hingga Jun) tahun persekolahan. Pada masa yang sama bagi murid yang belum menguasai bacaan al-Quran akan meneruskan kaedah Iqra'. Manakala dua waktu (60 minit) pula diperuntukkan untuk model pemulihan jawi j-QAF.

Pada enam bulan kedua (Jun hingga November) murid akan mengikuti kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan sukatan sedia ada. Pada enam bulan kedua ini pengajaran al-Quran menggunakan tiga waktu (90 minit) untuk tahun satu dan dua waktu pada tahun dua hingga enam. Manakala dua masa (60 minit) adalah jadual Ulum Syariah dan Jawi satu masa (30 minit). Walaubagaimana pun pada tahun 2013 ini pelaksanaan model enam bulan khatam al-Quran telah diubah menjadi Model Khatam al-Quran sahaja. Dengan petukaran ini menjadikan pelaksanaan Model Khatam al-Quran menggunakan tiga waktu Pendidikan Islam sepanjang tahun di Sekolah Kebangsaan dari tahun satu hingga enam dan dari bulan Januari hingga November. Manakala dua masa (60 minit) adalah ulum syarian dan Jawi satu masa (30 minit) (Sumber : KPM Bahagian Pendidikan Islam 2013) . Seterusnya Model Khatam al-Quran ini diperkukuhkan lagi dengan kelas tasmik di luar jadual waktu persekolahan seperti waktu petang bagi sesi pagi, waktu pagi bagi sesi petang dan waktu kokurikulum.

**Jadual 1 : Perbezaan Agihan Waktu
Khatam Al-Qurandan Asuhan Tilawah Al Quran**

Tahun 2005 – 2012		2013	
Tahun	6 Bulan Pertama (Khatam Al Quran)	6 Bulan Kedua (Asuhan Tilawah Al Quran)	Jan- November
Thn 1	4 waktu seminggu	3 waktu seminggu	3 waktu seminggu
Thn 2	4 waktu seminggu	2 waktu seminggu	3 waktu seminggu
Thn 3	4 waktu seminggu	2 waktu seminggu	3 waktu seminggu
Thn 4	4 waktu seminggu	2 waktu seminggu	3 waktu seminggu
Thn 5	4 waktu seminggu	2 waktu seminggu	3 waktu seminggu
Thn 6	4 waktu seminggu	2 waktu seminggu	3 waktu seminggu

Model Khatam al-Quran ini hendaklah dimulakan dengan satu ujian ringkas untuk tujuan diagnostik. Ujian ini menggunakan instrument yang disediakan oleh pihak sekolah. Murid dibahagikan kepada beberapa kelompok mengikut tahap kebolehan masing-masing. Murid yang belum membaca Iqra' dimulakan dengan Iqra' satu. Murid yang telah membaca dan menguasai Iqra' akan menyambung buku iqra' yang seterusnya. Murid yang telah menguasai bacaan al-Quran akan meneruskan bacaan hingga khatam al-Quran. Murid yang telah khatam mengulangi bacaan untuk tujuan meningkatkan mutu bacaan.

Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dijalankan mengikut kaedah *talaqi musyafaha*. Bagi kelas yang ramai murid, dua murid yang berkebolehan membaca serentak. Guru merekod bacaan setiap murid di dalam buku rekod bacaan al-Quran masing-masing. Bagi murid tahun 2 hingga 6, proses pengajaran dan pembelajaran ialah semua murid membaca al-Quran menggunakan mashaf Rasm Uthmani. Bimbingan hendaklah dijalankan secara kolaborasi oleh Guru Pendidikan Islam, Guru j-QAF dan murid turus. Guru akan merekod bacaan setiap murid di dalam buku rekod bacaan al-Quran masing-masing. Modul Pengajaran dan Pembelajaran 6 bulan hendaklah menjadi asas rujukan guru. Kaedah Iqra' digunakan bagi murid yang tidak menguasai bacaan al-Quran.


Pada enam bulan pertama (Januari –Jun) tahun satu, guru j- QAF dikehendaki mengajar bersama-sama dengan guru Pendidikan Islam (GPI) di kelas yang sama. Proses *talaqi musyafaha* dikendalikan oleh Guru Pendidikan Islam dan dua orang guru j-QAF. Proses ini dijalankan secara langsung oleh guru untuk setiap murid. Guru hendaklah menetapkan target lima minit masa bacaan untuk setiap murid bagi setiap waktu pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh meminta dua orang murid yang berkebolehan membaca secara serentak. Manakala pada enam bulan kedua (Julai-November), guru j-QAF dicadangkan bersama dengan guru Pendidikan Islam menjalankan Pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran yang merangkumi ayat kefahaman dan hafazan. Guru j-QAF boleh menggunakan waktu al-Quran untuk mentasmik bacaan murid yang cemerlang. Bahan pengajaran dan pembelajaran untuk model Khatam al-Quran ini ialah buku Iqra' satu hingga enam, al-Quran Rasm Uthmani, buku rekod bacaan al quran, kaset/cd/vcd dan kad bacaan potongan ayat atau surah-surah pendek.

Pihak sekolah perlu sama-sama memainkan peranan memastikan kelancaran model ini. Peranan guru Pendidikan Islam adalah membimbing pengajaran dan pembelajaran, memastikan persediaan murid dan mengesahkan bacaan murid. Guru j-QAF pula berperanan membahagikan kelompok murid, membimbing bacaan murid secara *talaqi musyafaha*, mencatat bacaan murid, mengenal pasti kelemahan murid dan membuat laporan pencapaian murid. Guru j-QAF hendaklah berbincang dengan Guru Pendidikan Islam untuk menghantar laporan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Muridan Negeri (JPN).

Penilaian bacaan Iqra' dilakukan pada setiap bulan oleh guru j-QAF dan Guru Pendidikan Islam. Laporan penilaian hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan boring selaras laporan dengan Guru Pendidikan Islam dalam program pelaksanaan al-Quran dan Jawi tahun satu, enam bulan pertama). Laporan penilaian hendaklah direkod dan difailkan untuk simpanan. Penilaian Khatam al-Quran hendaklah menggunakan borang analisa pencapaian yang disediakan dan di hantar kepda PPD dan JPN awal Jun dan Oktober.

Model Pengajaran Kolaboratif

Melalui model pengajaran kolaboratif yang diperkenalkan oleh Freudenstein (1991), terdapat tiga bahagian utama dalam latihan pengajaran. Peringkat pertama dikenali sebagai peringkat Pra-pengajaran iaitu peringkat perancangan dan persediaan. Peringkat kedua pula dikenali sebagai peringkat Pengajaran iaitu peringkat persembahan dan pelaksanaan. Manakala peringkat yang ketiga ialah peringkat penilaian dan pengubahsuaian.



Diadaptasi dari Model Pengajaran Kolaboratif Freudenstein (1991) dalam Laila Hairani(2008). Melalui Model Pengajaran Kolaboratif di atas, dapatlah diperincikan sebagaimana berikut:

1. Persediaan sebelum mengajar:

- i) Guru Pendidikan Islam (GPI) dan guru j-QAF bersama-sama merancang mengenai tajuk muridan yang akan diajar .
- ii) GPI dan guru j-QAF bersama-sama berbincang untuk menyediakan BBM mengikut kesesuaian tajuk muridan yang diajar
- iii) Guru j-QAF hendaklah menyediakan persediaan mengajar yang sama berdasarkan persediaan mengajar GPI

2. Sewaktu Pengajaran dijalankan

- i) Guru A masuk ke kelas dan memberi salam kepada murid serta membimbing murid membaca doa. Ketika itu Guru B berdiri mengikut kesesuaian tempat dan membantu membetulkan bacaan doa dan membetulkan tingkahlaku adab murid ketika berdoa.
- ii) Guru A memulakan pengajaran dan pembelajaran bagi langkah 1, Guru B membantu guru A memaparkan perkara-perkara yang ditayangkan menerusi Alat Bantu Mengajar yang digunakan (ABM)
- iii) Guru A membahagikan murid kepada kumpulan pada langkah 2, Guru B membantu pembahagian kumpulan seterusnya mengambil alih pengajaran dan pembelajaran di dalam kumpulan tersebut. Kebiasaannya Guru A akan mengendalikan kumpulan murid yang boleh menguasai Pengajaran dan Pembelajaran dengan baik dan Guru B akan mengambil kumpulan murid yang sederhana atau lemah untuk dibimbing dan diberiperhatian supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan
- iv) Pada langkah 3 sesi pengajaran Guru A akan memantau kumpulan murid yang cemerlang dan sederhana menyiapkan latihan atau tugas yang diberi, sementara Guru B akan membantu murid yang lemah menyiapkan tugas yang diberi.

3. Pasca pengajaran iaitu peringkat penilaian dan pengubahsuaian

- i) Sesudah sesi pengajaran dan pembelajaran Guru A dan Guru B akan berbincang mengenai kekuatan dan kelemahan sesi

pengajaran tadi dan mengambil tindakan untuk pengayaan atau memperbaiki kelemahan untuk sesi pengajaran akan datang.

- ii) Perbincangan di peringkat ini perlu di tulis di dalam buku rancangan pengajaran guru iaitu di ruangan impak. Penulisan impak ini perlu sama diantara Guru A dan Guru B, memandangkan Pengajaran dan Pembelajaran dijalankan bersama di dalam sebuah kelas. (Buku Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR, 2008).

Kelebihan Penggunaan Teknik Pengajaran Kolaboratif

Kolaborasi meningkatkan keberkesanan dan kreativiti hasil dari cantuman buah fikiran dua orang yang digembleng. Pengajaran kolaboratif menggembleng kekuatan, keyakinan dan kepakaran guru-guru yang dapat membantu mereka menghadapi cabaran pembaharuan atau arus perubahan dengan lebih baik. Dalam pengajaran kolaboratif ini, tenaga pengajar yang berpengalaman dapat memberi tumpuan yang lebih kepada bidang pengajarannya manakala tenaga pengajar yang baru akan dapat memperoleh pengalaman daripada tenaga pengajar yang lebih senior. Seterusnya dapat membantu dalam teknik penyampaian dan pengajaran berkesan. Melaluinya juga dapat membantu dari segi perkongsian idea dalam kaedah pengajaran. Ini dapat membentuk nilai kerja berpasukan dalam kalangan tenaga pengajar (Muhd Fauzi dalam Shazi Shaarani et al., 2008).

Begitu juga Davis & Miller (1996) dan Mc Cohon & Lavelle (1998) dalam Harun Rasyid dan M. Asrori, pengajaran kolaboratif dapat membantu murid belajar bekerja dengan selesa sebagai sebahagian anggota kumpulan. Seterusnya dapat mengembangkan keterampilan dan meningkatkan kualiti kerja dalam kumpulan. Manakala Effandi Zakaria et al. (2007) dalam penulisannya menyatakan kelebihan pengajaran secara kolaboratif antaranya ialah guru pakar akan dapat memberikan tumpuan kepada kumpulan murid yang lemah dalam pembelajaran dan beban guru dapat dikurangkan. Selain itu, guru akan berkeupayaan untuk menjalankan urusan pentadbiran seperti mengambil kedatangan murid dan sebagainya. Menurutny lagi, melalui pengajaran ini kedua-dua guru dapat membuat penilaian berterusan ke atas murid dan pembahagian penilaian dapat dibuat berasaskan kepada kemahiran dan kepakaran yang ada pada guru tersebut.

Cabaran Pengajaran Kolaboratif

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru yang menggunakan kaedah pengajaran kolaboratif ialah:

- i. Kawalan kelas menjadi sukar.
- ii. Masa guru membuat persediaan bertambah.
- iii. Guru perlu mahir mengendalikan alat bantu mengajar yang pelbagai.
- iv. Berlaku percanggahan idea.
- v. Masalah mungkin timbul mengenai pembahagian tugas.
- vi. Kemungkinan berlaku kemahiran tidak dapat diajar secara menyeluruh.
- vii. Murid keliru mengenai peranan seseorang guru.
- viii. Kesukaran menilai hasil kerja dan sumbangan daripada murid.

Manakala Sukreni dan Mohd Isha (2004) pula menyatakan, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan proses pengajaran ini. Antaranya ialah:

- i. Guru sendiri kurang mahir walaupun mendapat pendedahan tentang pembelajaran kolaboratif ini.
- ii. Kekangan masa yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti pembelajaran kolaboratif dalam bilikdarjah semasa pengajaran berlangsung.
- iii. Pandangan sesetengah guru bahawa mereka tidak perlu bersusah payah memerah otak untuk mencari rangsangan dalam bilik darjah dalam menjalankan pembelajaran kolaboratif, seterusnya mereka berpandangan lebih baik mengamalkan pendekatan tradisi iaitu *chalk dan talk*.

Justeru itu, Mohammad Amin Embi telah menyatakan penyelesaian untuk mempertingkatkan keberkesanan pendekatan kolaboratif. Antaranya ialah:

- i. Memastikan objektif yang hendak dicapai dibincangkan dengan jelas.
- ii. Selesaikan konflik yang timbul dengan segera
- iii. Sediakan rubric di peringkat permulaan untuk memandu proses pembelajaran dan penilaian hasil kerja.
- iv. Membantu murid membuat refleksi ke atas kemajuan dari semasa ke semasa.
- v. Beri harapan supaya menghasilkan kerja yang terbaik

Selain itu, Zalika Adam & Faridah Kassim (2008) menggariskan ketika bekerja dalam kumpulan atau berkolaboratif, guru perlu mempunyai sikap bekerja sepenuh hati, kuat dan amanah, bertanggungjawab, berkongsi idea dan taat pada pemimpin.

Cadangan Penambahbaikan Penggunaan Strategi Kolaboratif

Memandangkan teknik pengajaran secara kolaborasi ini masih baru dalam sistem pendidikan di Malaysia maka beberapa langkah dan strategi tertentu perlu dibentuk dan ditekankan kepada guru Pendidikan Islam juga guru j-QAF. Antaranya penglibatan pihak atasan terutama KPM Bahagian Pendidikan Islam perlu memainkan peranan utama, seperti memantau dengan lebih kerap ke sekolah-sekolah bagi melihat sejauh mana pelaksanaan dan pemahaman tentang teknik kolaboratif dalam model khatam al-Quran ini di kalangan guru juga pihak pentadbir sekolah benar-benar difahami dan dapat dilaksanakan dengan betul. Pelaksanaan yang salah akan menyebabkan keciciran yang ketara di kalangan murid dan dikhuatiri murid hilang minat untuk memmuridi al-Quran seterusnya buta dalam mengenal huruf dan membaca al-Quran, memandangkan sukatan muridan agak tinggi berbanding sukatan lama di mana di tahun 2 perlu membaca surah al-baqarah dan ditahun 6 tamat 30 juzuk.

Seminar-seminar berkaitan teknik kolaborasi dalam model Khatam al-Quran ini perlu diadakan berkala bagi melahirkan guru-guru yang benar-benar berwibawa dan dapat melaksanakan teknik ini dengan betul dan lancar. Memandangkan pengajaran lebih dari seorang guru di dalam satu kelas amat mengelirukan guru mahupun murid. Sedangkan sekiranya teknik ini dapat dilaksanakan dengan baik sudah pasti amat meringankan bebanan guru sekaligus memudahkan tahap pemahaman murid dan menggalakkan murid menyukai serta melahirkan lebih ramai murid yang lancar membaca al-Quran.

Pensyarah IPGM yang bertanggungjawab secara langsung untuk melatih guru-guru j-QAF bagi pelaksanaan program j-QAF ini perlu diberi latihan berpusat bagi mengajar teknik kolaborasi dalam model Khatam al-Quran ini bagi menyelaraskan teknik Pengajaran dan Pembelajaran bagi semua IPGM, memandangkan ini merupakan satu program baru di Malaysia dan bulan semua pensyarah mendapat latihan dan penerangan yang jelas tentang teknik kolaborasi ini. Begitu juga pihak pentadbir sekolah tidak boleh diabaikan sekiranya latihan berpusat ini

dapat dilaksanakan, bagi mengelakkan ada pihak pentadbir yang meminjam guru-guru j-QAF yang mengajar lebih dari seorang dalam satu kelas untuk dijadikan guru ganti bagi guru –guru yang tidak hadir atau membantu sekolah menyiapkan tugas-tugas lain. Sekiranya permasalahan ini berlaku matlamat teknik pengajaran kolaborasi bagi melahirkan murid yang lancar dan fasih sekaligus khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah akan terjejas.

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa guru perlu mengetahui dan menguasai pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai objektif pembelajaran. Pengajaran kolaboratif merupakan satu kaedah pengajaran yang menunjukkan kerjasama guru akan melahirkan kepuasan kerja dan turut memainkan elemen penting dalam mencorakkan profesion keguruan. Sekiranya teknik pengajaran ini dilaksanakan dengan sepenuhnya, ia akan memberi impak dan kesan ke atas pencapaian prestasi guru dan murid seterusnya mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

RUJUKAN

- Anne M. Beninghof (2011). *Co-Teaching That Works Structures and Strategies for Maximizing Student Learning*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib (2010). Tinjauan terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 15-28.
- Ee Ah Meng (1987). *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Effandi Zakaria, Norazah Mohd Nordin & Sabri Ahmad (2007). *Trend Pengajaran dan pembelajaran Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Fairuz Samsudin (2011). *Tahap Pencapaian Murid-Murid Tahun Enam Dalam Modul Khatam Al-Quran j-QAF: Satu Kajian di Sekolah Kebangsaan Daerah Kuala Muda, Yan*.
- Hanunah Ahmad Shah (2007). *Satu kajian Pengajaran Al-Quran Berasaskan Pelaksanaan Program Khatam Al-Quranj-QAF oleh Guru Pelatih Program j-QAF*. Sabah: Institut Perguruan Keningau
- JAPIM (2007). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program jQAF*. Kuala Lumpur: KPM
- Laila Hairani Abdullah Sanggura (2008). *Buku Panduan Kursus Pemantapan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR 2008*.

- Mohd Aderi Che Noh. (2009). *Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran : Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru Di Sekolah Menengah Harian Malaysia. Journal of Islamic and Arabic Education 1 (1): 57-72.*
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). *Persepsi murid Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran. Jurnal Pendidikan Malaysia.34(1): 93-109.*
- Nabiroh Kassim, Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Bani Hidayat
- Mohd shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nik Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Kerangka Teoritikai Kajian Amalan Penerapan Nilai Dalam Pengajaran tilawah Al-Quran Sekolah Rendah. Pembentangan yang ke-4 International Conference onTeacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia.*
- Sharifah Alwiyah Alsagof(1984),*Teknologi Pengajaran.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukreni Ismail & Mohd Isha Awang. (2004). *Penilaian Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif Dalam Pengajaran Pendidikan Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalika Adam & Faridah Kassim. (2008). *Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Faizah Binti Said
Cawangan Dasar dan Perancangan Sumber Manusia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 13, Blok E12
Kementerian Pendidikan Malaysia
Putrajaya
E-mail: at3d73@yahoo.com

Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: asmawati@upm.edu.my

Dr. Fathiyah Mohd Fakhruddin
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: fathi@upm.edu.my

Dr. Othman Talib
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang